



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 9 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,386 kes** (548,705 kes kumulatif, 86.6%);
- Kes baharu : **6,239 kes** (633,891 kes kumulatif);
- Kes import : **11 kes** (7 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,228 kes** [5,377 warganegara (86.3%); 851 bukan warganegara (13.7%)];
- Kes aktif : **81,575 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **905 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **453 kes**;
- Kes kematian : **75 kes** (3,611 kes kumulatif, 0.57%; 74 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,400 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,666 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **734 kluster**.

Sebanyak **75 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **23 kes** di Selangor, **18 kes** di Johor, **tujuh (7) kes** di Kelantan, masing-masing **lima (5) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kedah, masing-masing **tiga (3) kes** di Sabah, Melaka, Negeri Sembilan, dan Sarawak, **dua (2) kes** di Perak, serta masing-masing **satu (1) kes** di Pulau Pinang, Terengganu, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KEMASKINI PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

KKM telah menubuhkan Pusat Penilaian COVID-19 (COVID-19 Assessment Centre – CAC) yang berfungsi sebagai pusat sehati untuk penilaian individu yang disahkan positif sebelum ditentukan sama ada sesuai untuk menjalani isolasi dan pemantauan sendiri di rumah atau memerlukan kemasukan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PRKC) / hospital.

Inisiatif ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kes-kes COVID-19 yang memerlukan rawatan lanjut dirujuk ke PKRC atau hospital, manakala kes-kes COVID-19 yang stabil dibenarkan menjalani pemantauan sendiri di rumah. Secara tidak langsung, ini dapat mengurangkan kesesakan di hospital ketika negara sedang menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. Oleh itu, pesakit COVID-19 Kategori 1 (tidak bergejala) dan Kategori 2 (bergejala ringan) akan dipantau oleh CAC manakala pihak hospital akan merawat pesakit Kategori 3 dan ke atas. PKRC pula adalah penempatan untuk Pesakit Kategori 1 dan 2 yang tidak layak untuk menjalani isolasi dan pemantauan sendiri di rumah.

Tujuan penubuhan CAC:

- Mengenalpasti pesakit yang bersesuaian untuk dipantau di rumah atau perlu dimasukkan ke PKRC / hospital;
- Memantau dan menilai perkembangan pesakit di rumah menggunakan Borang Pemantauan di rumah / MySejahtera; dan
- Menyelaras rujukan pesakit ke PKRC / hospital jika perlu.

Kriteria pesakit yang boleh menjalani pemantauan di rumah atau Home Surveillance Order (HSO):

1. Dewasa:
 - a. Berumur < 60 tahun Kategori 1 dan 2 (gejala ringan). Bagi yang berumur ≥ 60 tahun, perlu dimasukkan ke PKRC / hospital.
2. Kanak-kanak:
 - a. Kategori 1: Semua kanak-kanak yang tiada *co-morbidity* dan mempunyai penjaga yang sesuai;
 - b. Kategori 2: Hanya kanak-kanak berusia 2 tahun atau lebih yang tiada *co-morbidity* dan mempunyai penjaga yang sesuai.
3. Keadaan di rumah yang sesuai:
 - a. Mempunyai kemudahan telefon;
 - b. Pesakit patuh pada SOP (tinggal di bilik berasingan dari penghuni lain, sebaik-baiknya mempunyai tandas di bilik tersebut);
 - c. Tiada penghuni yang berisiko tinggi;

d. Pesakit mempunyai penjaga yang sesuai di rumah tersebut.


Pada Januari 2021, sebanyak 148 CAC telah memulakan operasi dan sehingga kini ia berkembang kepada **198 CAC** di seluruh negara. Setiap CAC mempunyai pasukan yang terdiri daripada Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat, dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP).

Peningkatan jumlah kes COVID-19 yang mendadak sejak April lalu menyebabkan beban tugas anggota di CAC bertambah. Terdapat peningkatan 150% daripada **jumlah kedatangan** pesakit ke CAC, iaitu dari 4,000 sehari ke **10,000 sehari pada 5 Jun 2021**. Begitu juga dengan **jumlah kes aktif dalam pemantauan CAC** yang meningkat 108% dari 5,300 sehari ke **11,000 sehari**. Selain itu, terdapat **peningkatan jumlah kes yang memerlukan rujukan ke hospital (*step up care*)** bagi tempoh dari 23 Mei hingga 5 Jun 2021 iaitu dari 9 kes kepada **35 kes**.

Jadual 1: Jumlah CAC Mengikut Negeri Sejak Mula Dilancarkan pada Januari 2021

Negeri/Bulan	Januari	Februari	Mac	April	Mei
Perlis	11	11	10	10	10
Kedah	11	11	11	11	11
P.Pinang	30	30	30	30	30
Perak	11	11	11	11	11
Selangor	19	19	22	28	34
WPKL&P	5	5	5	5	5
N.Sembilan	7	8	8	8	8
Melaka	5	4	3	4	3
Johor	10	11	11	11	11
Pahang	11	11	11	11	11
Terengganu	13	13	13	13	15
Kelantan	14	17	17	20	20
Sarawak	-	-	-	24	24
Sabah	-	3	3	3	3
Labuan	1	1	1	1	1
MALAYSIA	148	154	156	190	198

Rajah 1: Jumlah kedatangan pesakit COVID-19 ke CAC




Peningkatan beban kerja dalam tempoh yang singkat menyebabkan kekangan talian telefon bagi menerima panggilan dari pesakit, serta petugas untuk membuat dan menerima panggilan. Ini menyebabkan berlaku kejadian panggilan ke CAC tidak berjawab. Situasi ini menyebabkan kegelisahan kepada pesakit yang sedang menjalani pemantauan di rumah mengenai status kesihatan semasa. Khususnya apabila mereka melaporkan wujudnya gejala baru atau kemerosotan gejala

dalam sistem MySejahtera tetapi masih belum diambil tindakan oleh CAC.

Rajah 2: Trend kes yang dalam pemantauan CAC yang dirujuk ke Hospital.

**JUMLAH KES DALAM PEMANTAUAN DI RUMAH DAN DIRUJUK KE HOSPITAL
23 – 5 JUN 2021**



Oleh itu, bagi menambahbaik proses pemantauan oleh CAC, KKM dalam proses mewujudkan *Call Center* untuk membantu CAC bagi perkara berikut:

1. Menerima panggilan daripada pesakit yang bergejala untuk disalurkan ke CAC berkaitan;
2. Menerima panggilan berkaitan pertanyaan umum berkaitan HSO / *Home Monitoring*; dan

3. Menyalurkan panggilan kecemasan ke MERS 999 (*Malaysian Emergency Response Services*).

Sebagai permulaan, ianya akan dilaksanakan di Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mempunyai beban kes yang tinggi. Selain itu, KKM juga akan menambah talian telefon di 33 buah CAC di tiga (3) negeri tersebut bagi mengurangkan kesesakan talian telefon.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang

perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Jun 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 9 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	2,291 (3)	207,335
SABAH	232	64,788
WP KUALA LUMPUR	704 (3)	64,542
JOHOR	468 (1)	62,822
SARAWAK	419	53,000
NEGERI SEMBILAN	507 (4)	31,555
PULAU PINANG	194	31,285
KELANTAN	340	31,027
PERAK	175	23,003
KEDAH	135	20,929
MELAKA	150	14,173
PAHANG	232	11,214
TERENGGANU	171	10,265
WP LABUAN	200	5,352
WP PUTRAJAYA	17	2,058
PERLIS	4	543
JUMLAH KESELURUHAN	6,239 (11)	633,891

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 75 kes kematian pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
3537	Selangor	Lelaki (WN)	59	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Darah tinggi dan dislipidemia
3538	Kelantan	Lelaki (WN)	69	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Darah tinggi
3539	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Kajang	Kencing manis dan darah tinggi
3540	Selangor	Perempuan (WN)	60	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi dan dislipidemia
3541	Kedah	Perempuan (WN)	54	Hospital Sultanah Maliha, Langkawi	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3542	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
3543	Sabah	Lelaki (WN)	62	Hospital Tawau	Darah tinggi, jantung, dan asma
3544	Kedah	Perempuan (WN)	72	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Darah tinggi dan dislipidemia
3545	Sabah	Lelaki (WN)	86	Jenazah dibawa ke Hospital Tawau	-
3546	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	-
3547	Melaka	Lelaki (WN)	81	Hospital Melaka	-
3548	Sarawak	Lelaki (WN)	66	Hospital Kapit	Darah tinggi dan paru-paru kronik
3549	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	66	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
3550	Kelantan	Lelaki (WN)	61	Hospital Jeli	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
3551	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik,

					dan <i>pituitary microadenoma</i>
3552	Selangor	Perempuan (WN)	64	Hospital Shah Alam	Kencing manis, dislipidemia, dan asma
3553	Johor	Lelaki (WN)	42	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
3554	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	54	Hospital Kepala Batas	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
3555	Kedah	Lelaki (WN)	64	Hospital Sultanah Maliha, Langkawi	-
3556	Kedah	Perempuan (WN)	76	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis dan darah tinggi
3557	Selangor	Lelaki (WN)	28	Hospital Ampang	Penyakit buah pinggang
3558	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	61	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis dan darah tinggi
3559	Johor	Perempuan (WN)	79	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik
3560	Sarawak	Lelaki (WN)	79	Hospital Kapit	Darah tinggi dan buah pinggang kronik
3561	Perak	Lelaki (WN)	76	Hospital Teluk Intan	Kencing manis, darah tinggi, dan penyakit saraf
3562	Selangor	Perempuan (WN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	Obesiti
3563	Johor	Perempuan (WN)	75	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Darah tinggi dan dislipidemia
3564	Johor	Lelaki (WN)	66	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3565	Sarawak	Perempuan (WN)	66	Hospital Sibul	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3566	Johor	Perempuan (WN)	68	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis dan darah tinggi
3567	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi
3568	Johor	Lelaki (WN)	49	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi dan buah pinggang kronik

3569	Kelantan	Perempuan (WN)	80	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, dislipidemia, buah pinggang kronik, dan jantung
3570	Johor	Lelaki (WN)	42	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
3571	Kelantan	Lelaki (WN)	89	Hospital Tumpat	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
3572	Kelantan	Lelaki (WN)	80	Hospital Tumpat	Darah tinggi, penyakit jantung, dan penyakit saraf
3573	Kelantan	Lelaki (WN)	51	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Kencing manis
3574	Perak	Perempuan (WN)	67	Hospital Taiping	Darah tinggi dan asma
3575	Kedah	Perempuan (WN)	58	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dislipidemia, strok, buah pinggang kronik, dan hati
3576	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Putrajaya	Kencing manis dan darah tinggi
3577	Selangor	Perempuan (WN)	92	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Darah tinggi
3578	Melaka	Perempuan (WN)	84	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3579	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	65	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
3580	Melaka	Perempuan (WN)	62	Hospital Melaka	Kencing manis
3581	WP Labuan	Lelaki (WN)	44	Hospital Labuan	Darah tinggi
3582	Selangor	Perempuan (WN)	85	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
3583	Selangor	Lelaki (WN)	80	Hospital Sungai Buloh	Strok
3584	Johor	Lelaki (WN)	86	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	-
3585	Selangor	Lelaki (WN)	51	Hospital Shah Alam	Tuberkulosis
3586	Johor	Perempuan (WN)	53	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi dan obesiti

3587	Johor	Lelaki (WN)	36	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit jantung dan obesiti
3588	Terengganu	Lelaki (WN)	57	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis
3589	Johor	Lelaki (WN)	47	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti dan asma
3590	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
3591	Johor	Lelaki (WN)	85	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi
3592	Johor	Lelaki (WN)	74	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
3593	Kelantan	Perempuan (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Tumpat	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
3594	Selangor	Lelaki (WN)	53	Hospital Ampang	Kencing manis dan darah tinggi
3595	Selangor	Lelaki (WN)	36	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Kencing manis dan obesiti
3596	Selangor	Perempuan (WN)	26	Hospital Ampang	Lupus dan buah pinggang kronik
3597	Sabah	Perempuan (WN)	78	Hospital Tawau	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
3598	Selangor	Lelaki (WN)	81	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
3599	Selangor	Lelaki (WN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3600	Selangor	Lelaki (WN)	73	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
3601	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, strok, dan buah pinggang kronik
3602	Selangor	Perempuan (WN)	44	Hospital Kajang	Darah tinggi dan jantung

3603	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
3604	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	53	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik
3605	Johor	Perempuan (WN)	81	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	-
3606	Johor	Perempuan (WN)	73	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi, dislipidemia, buah pinggang kronik, dan <i>multiple myeloma</i>
3607	Johor	Perempuan (WN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Darah tinggi
3608	Johor	Lelaki (WN)	42	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti
3609	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	69	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
3610	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	68	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi
3611	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	49	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 6,239 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 9 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,291	59	1,683	3	546
WP KUALA LUMPUR	704	41	428	3	232
NEGERI SEMBILAN	507	89	320	4	94
JOHOR	468	105	241	1	121
SARAWAK	419	73	266	-	80
KELANTAN	340	128	174	-	38
SABAH	232	58	122	-	52
PAHANG	232	144	57	-	31
WP LABUAN	200	52	79	-	69
PULAU PINANG	194	70	84	-	40
PERAK	175	59	43	-	73
TERENGGANU	171	85	62	-	24
MELAKA	150	20	104	-	26
KEDAH	135	16	90	-	29
WP PUTRAJAYA	17	9	6	-	2
PERLIS	4	-	3	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	6,239	1,008	3,762	11	1,458

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 9 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Sungai Rasau 27	Tempat Kerja	Selangor	Klang, Petaling, dan Kuala Langat	35	149
2	Perusahaan Dua Batu Caves	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	12	78
3	Industri Balakong Tujuh	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat, Petaling, dan Gombak	36	183
4	Camar Lapan	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	8	21
5	Alam Jaya Dua	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor dan Gombak	62	85
6	Jalan Wisma	Tempat Kerja	Sabah	Kota Kinabalu	7	25
7	Lot Sembilan	Tempat Kerja	Sabah	Kuala Penyu dan Beaufort	24	88
8	Kampung Huda	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, dan Tumpat	24	76
9	Industri Teluk Kalong	Tempat Kerja	Terengganu	Kemaman	103	1,500
10	Lorong Perusahaan 8A	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	34	134
11	Industri Medan Tasek	Tempat Kerja	Perak	Kinta	19	231
12	Jalan Keluli Sembilan	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	14	44
13	Dah Mengkudu	Tempat Kerja	Kedah	Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, dan Yan	39	157
14	Gong Mengkeleh	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	20	40
15	Putra Sembilan	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di bawah KPM	WP Putrajaya dan Selangor	Putrajaya dan Sepang	10	49

